



## TERMS AND CONDITIONS RHB CASHXCESS (CX) PROGRAMME

1. The RHB Bank Berhad (Company No. 6171-M) and RHB Islamic Bank Berhad (Company No. 680329-V) herein will be referred to as “RHB” or “the Bank”.

### PROGRAMME PERIOD

2. Three CX plans are available under “RHB CashXcess (CX) Programme” (hereinafter referred to as “Programme”) or also known as CX Plans:
  - 2.1. CX Generic Plans - Plan A and Plan B (hereinafter referred to as “Generic Plan”) are valid from 1 January 2019 to 30 June 2019, both dates inclusive (hereinafter referred to as “Generic Programme Period”).
  - 2.2. CX Tactical Plan – Plan 630 (hereinafter referred to as “Tactical Plan”) is valid from 1 January 2019 to 30 June 2019, both dates inclusive (hereinafter referred to as “Tactical Programme Period”).

### ELIGIBILITY

3. Holders of any credit card/-i(s) issued by RHB (except any holder of any credit card/-i(s) issued by RHB for business use) (hereinafter referred to as “Cardmember(s)”) can withdraw / utilize from their credit card/-i account via CashXcess promotion. All RHB Supplementary cards, Business Cards and Virtual cards are not eligible for the Programme.
4. There will be no additional separate account created for the Cardmember(s) for the purpose of CashXcess, therefore the existing credit limit approved for the Cardmember's RHB credit card/-i account will be shared with this CashXcess and all other supplementary cards issued. The CashXcess Programme is not a credit limit increase.

### PROGRAMME CONDITIONS

5. Minimum CX amount for Generic Plan start from RM1,000 and minimum CX amount for Tactical Plan starts from RM3,000. Cardmember(s) are able to withdraw the CashXcess amount of up to 80% of their available credit limit based on the condition that the conduct of their credit card/-i accounts are regular and sufficient available credit limit at time of posting.
6. Upon application of the RHB CashXcess, Cardmember(s) are deemed to be responsible in servicing the monthly instalment amount. The monthly instalment amount is posted into the Cardmember's credit card/-i account to be accumulated to the total outstanding balance and subject to the minimum monthly payment of 5% of the total outstanding balance.
7. If Cardmember(s) choose to pay the minimum amount of 5% or part of the credit card total outstanding balance, the remaining balance (including the balance of CashXcess monthly principal amount – if any; is chargeable at 1.25%, 1.42% or 1.5% per month on daily rest depending at which revolving tiers of the Cardmember(s) account. (Clause 12.1(c) of RHB Bank Berhad / Clause 13.1(c) of RHB Islamic Bank VISA / MasterCard Cardmember Agreement or also known as “Cardholder Agreement”). The remaining balance refers to the outstanding balance that exclude interest/actual management fee, finance charges and other relevant fees.
8. In the event Cardmember(s) fails to pay the minimum monthly payment by the payment due date or if the payment is not received by the Bank in full or before payment due date as specified in the aforesaid statement, a late payment charge of 1% of the Card Account on the outstanding balance or RM10, whichever is higher, subject to a maximum of RM100 will be imposed and stated in the monthly statement.



9. Upon approval, the CashXcess amount will be debited to the Cardmember(s)' credit card accounts. Respective interest/actual management fee will commence thereon. It is the Cardmember(s)' responsibility to ensure that there is sufficient available credit limit before they apply for the Programme.
10. RHB reserves the right to approve only a part of the amount applied for by the Cardmember(s) to release with prior notification to or consent of the Cardmember(s) by giving notice for it.
11. Three plans are available under the Programme.
  - i) **Plan A** : 12 months @ 8.00%p.a, equivalent to effective rate of 14.45%p.a.  
CashXcess amount of RM1,000 with an interest/actual management fee of 8.00%p.a. for a 12 month instalment plan; the monthly instalment is computed as  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 8.00\%) / 12 \text{ months}] = RM90$  per month. The payment quantum will be 12 equal monthly instalments amount.
  - ii) **Plan B** : 24 months @ 9.00%p.a, equivalent to effective rate of 16.43%p.a.  
CashXcess amount of RM1,000 with an interest/actual management fee of 9.00%p.a. for a 24 month instalment plan; the monthly instalment is computed as  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 9.00\% \times 2) / 24 \text{ months}] = RM49.17$  per month. The payment quantum will be 24 equal monthly instalments amount.
  - iii) **Plan 630** : 12 months @ 4.88%p.a, equivalent to effective rate of 8.89%p.a.  
CashXcess amount of RM3,000 with an interest/actual management fee of 4.88%p.a. for a 12 month instalment plan; the monthly instalment is computed as  $[RM3,000 + (RM3,000 \times 4.88\%) / 12 \text{ months}] = RM262.20$  per month. The payment quantum will be 12 equal monthly instalments amount.

Note: The above monthly instalment payment amount is for illustration purpose. The actual monthly instalment might be different from the above illustration.
12. Monthly payment is on instalment basis. The CashXcess amount and the total management fee charged constitute the total outstanding balance of the Cardmembers credit card/-i account. The total outstanding balance will be paid via instalment over the payment period. The fixed monthly instalment will be billed to the Cardmember(s) on a monthly basis.
13. For disbursement, approved CashXcess amount will be transferred via direct credit or Interbank GIRO fund transfer or credited either into RHB Saving / Current account or for other banks.
14. The Bank shall not be liable to the eligible Cardmember(s) for any transactions credited into the wrong account due to the wrong information disclosed by the eligible Cardmember(s) when applying for the CashXcess.
15. In the event that the Cardmember(s) choose to terminate his/her credit card/-i or fully settle the outstanding amount, RHB reserves the right to bill the whole total amount which includes the outstanding principal and management fee amount as the final payment to close the credit card/-i account.
16. Reward Points and Cash Back will not be awarded under this Programme, unless stated otherwise.

## GENERAL TERMS AND CONDITIONS

17. RHB reserves the right to add, delete, alter or amend any of these terms and conditions at any time with at least twenty one (21) days prior notice and they shall become effective on such date as the Bank may elect to adopt. At the discretion of the Bank, notice of such additions or modifications or amendments may be effected by:-
  - displaying the same at the premises of the Bank or its' Branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardmember(s); or
  - by sending notice of the same by SMS or electronic mail to the Cardmember(s) or by posting the notice of the same on RHB's website.



Such amendments and alterations shall be effective and binding on the Cardmember with effect from the date of the amendments or alterations. In the event of any dispute relating to the Terms and Conditions, the determination and decision of the Bank shall be final, binding and conclusive.

18. Other terms and conditions as stipulated in the RHB Cardholder Agreement shall apply.

## TERMA DAN SYARAT PROGRAM RHB CASHXCESS (CX)

1. RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 680329-V) dirujuk sebagai “RHB” atau “pihak Bank”.

### TEMPOH PROGRAM

2. Tiga pelan CX disediakan untuk “Program RHB CashXcess (CX)” (selepas ini dirujuk sebagai “Program”), juga dikenalkan sebagai Pelan CX:
  - 2.1. Pelan Generic CX –Pelan A dan Pelan B (selepas ini dirujuk sebagai “Pelan Generic”) sah bermula 1 Januari 2019 dan berakhir pada 30 Jun 2019, termasuk kedua-dua tarikh yang dinyatakan (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Program Generic”)
  - 2.2. Pelan Taktikal CX - Pelan 630 (selepas ini dirujuk sebagai “Pelan Taktikal”) sah bermula 1 Januari 2019 dan berakhir pada 30 Jun 2019, (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh Program Taktikal”).

### KELAYAKAN

3. Pemegang sebarang kad kredit/i yang dikeluarkan oleh RHB (kecuali pemegang sebarang kad kredit/i RHB untuk kegunaan perniagaan) (selepas ini dirujuk sebagai “Ahli Kad”) boleh mengeluarkan dan menggunakan jumlah pembiayaan dari akaun kad kredit/i melalui promosi CashXcess. Kad Sampingan, Kad Eksekutif dan Kad Virtual RHB tidak layak untuk program ini.
4. Tiada akaun tambahan akan dibuka secara berasingan kepada Ahli Kad bagi tujuan CashXcess, ini bermakna jumlah had kredit sedia ada yang telah diluluskan untuk Ahli Kad kredit/i RHB akan dikongsi bersama dengan CashXcess dan juga semua kad tambahan yang dikeluarkan. Program CashXcess ini bukan peningkatan had kredit.

### SYARAT-SYARAT PROGRAM

5. Jumlah minima CX bagi Pelan Generic bermula daripada RM1,000 dan jumlah minima CX bagi Pelan Taktikal bermula daripada RM3,000. Ahli Kad boleh mengeluarkan dan menggunakan jumlah CashXcess sehingga 80% dari had kredit yang tersedia dengan syarat, akaun kad kredit/i dikendalikan dengan baik dan terdapatnya baki kredit yang mencukupi ketika dimohon.
6. Sebaik membuat permohonan RHB CashXcess, Ahli Kad adalah dianggap bertanggungjawab ke atas jumlah ansuran bulanan. Bayaran ansuran bulanan akan ditambahkan ke atas tunggakan baki dan akan tertakluk kepada jumlah bayaran minima bulanan 5% daripada jumlah baki tunggakan.
7. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membuat pembayaran minima 5% atau sebahagian daripada jumlah baki kad kredit tertunggak, jumlah yang ditinggalkan (termasuk baki ansuran bulanan prinsipal CashXcess – sekiranya ada) akan dicaj di antara 1.25%, 1.42% atau 1.5% sebulan pada kadar harian bergantung kepada peringkat kitaran akaun Ahli Kad (fasal 12.1(c) Perjanjian RHB Bank Berhad / fasal 13.1 (c) Perjanjian RHB Islamic Bank dan Ahli Kad VISA MasterCard atau juga disebut sebagai “Perjanjian Ahli Kad”). Baki selebihnya merujuk kepada baki tertunggak yang tidak termasuk faedah/yuran pengurusan sebenar, caj kewangan dan fi lain yang berkaitan.
8. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar bayaran bulanan minima yang perlu dibayar pada tarikh matang atau jika bayaran tidak terima oleh Bank sepenuhnya atau sebelum tarikh matang perlu dibuat sebagaimana ditetapkan dalam penyata tersebut, bayaran minima RM10 atau 1% daripada baki tertunggak berdasarkan tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, sehingga jumlah maksimum RM100 akan dicaj dan dinyatakan dalam Penyata Bulanan.



9. Sebaik diluluskan, Jumlah CashXcess akan didebitkan ke dalam akaun kad kredit/-i Ahli Kad. Caj faedah/yuran pengurusan sebenar akan bermula serta-merta. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli Kad untuk memastikan terdapatnya had kredit yang mencukupi sebelum memohon untuk Program ini.
  10. RHB berhak atas budi bicaranya untuk meluluskan hanya sebahagian daripada amaun yang dipohon oleh Ahli Kad dengan pemberitahuan terlebih dahulu kepada atau persetujuan Ahli Kad dengan memberi notis mengenainya.
  11. Tiga pelan disediakan untuk CashXcess:
    - i) **Pelan A**: 12 bulan pada 8.00% setahun, menyamai kadar efektif pada 14.45% setahun.  
Amaun CashXcess sebanyak RM1,000 dengan faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 8.00% setahun untuk pembayaran selama 12 bulan secara ansuran, ansuran bulanan dikira sebagai  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 8.00\%) / 12 \text{ bulan}] = RM90$  sebulan. Amaun ansuran pembayaran pada kadar sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 12 bulan.
    - ii) **Pelan B** : 24 bulan pada 9.00% setahun, menyamai kadar efektif pada 16.43% setahun.  
Amaun CashXcess sebanyak RM1,000 dengan faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 9.00% setahun untuk pembayaran selama 24 bulan secara ansuran, ansuran bulanan dikira sebagai  $[RM1,000 + (RM1,000 \times 9.00\% \times 2) / 24 \text{ bulan}] = RM49.17$  sebulan. Amaun ansuran pembayaran pada kadar sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 24 bulan.
    - iii) **Pelan 630** : 12 bulan pada 4.88% setahun, menyamai kadar efektif pada 8.89% setahun.  
Amaun CashXcess sebanyak RM3,000 dengan faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 4.88% setahun untuk pembayaran selama 12 bulan secara ansuran, ansuran bulanan dikira sebagai  $[RM3,000 + (RM3,000 \times 4.88\%) / 12 \text{ bulan}] = RM262.20$  sebulan. Amaun ansuran pembayaran pada kadar sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 12 bulan.
- Nota: Amaun ansuran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi. Ansuran bulanan sebenar mungkin berbeza daripada ilustrasi di atas.
12. Bayaran bulanan adalah secara ansuran. Jumlah CashXcess dan jumlah yuran pengurusan yang dicaj termasuk jumlah besar baki tertunggak akaun kad kredit/-i Ahli Kad. Jumlah besar baki tunggakan akan dibayar secara ansuran dalam tempoh pembayaran. Ansuran bulanan tetap akan dibilkan kepada Ahli Kad setiap bulan.
  13. Untuk pembayaran yang diluluskan, jumlah CashXcess akan dipindahkan melalui Interbank GIRO atau dikreditkan terus ke dalam akaun Simpanan / Semasa RHB atau untuk kepada bank yang lain.
  14. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk apa-apa transaksi yang dikreditkan ke dalam akaun yang salah akibat daripada maklumat salah yang diberikan oleh Ahli Kad semasa memohon untuk CashXcess.
  15. Jika Ahli Kad memilih untuk menamatkan kemudahan kad kredit/-i atau menyelesaikan baki tertunggak sepenuhnya, pihak Bank berhak menuntut nilai hutang penuh termasuk baki prinsipal dan yuran pengurusan yang tertunggak sebagai bayaran terakhir untuk menutup akaun kad kredit/-i.
  16. Mata Ganjaran dan Pulangan Tunai tidak akan diberikan di bawah Program ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

17. RHB berhak untuk menambah, memadam, mengubah atau meminda terma-terma dan syarat- syarat pada bila-bila masa dengan notis dua puluh satu (21) hari dan ia akan berkuatkuasa pada tarikh yang dipilih oleh pihak Bank. Mengikut budi bicara pihak Bank, notis mengenai tambahan atau modifikasi atau pindaan akan di salurkan melalui:-
  - paparan notis yang sama di premis Bank atau di pejabat cawangannya atau menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; atau
  - dengan menghantar notis yang sama melalui khidmat pesanan ringkas atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan mempamerkan notis yang sama di laman web RHB.



Sebarang pindaan dan gubalan akan berkuatkuasa dan mengikat Ahli Kad berkuatkuasa dari tarikh pindaan dan gubalan. Sebarang pertikaian yang timbul berikutan Terma-terma dan Syarat-syarat, adalah ketentuan dan keputusan muktamad pihak Bank.

18. Terma-terma dan syarat-syarat lain yang terkandung di dalam Perjanjian Ahli Kad RHB adalah terpakai.